

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: PPA UUM COB
Sent: Wednesday, 7 December, 2016 4:34 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Dr. Hendrik bin Lamsali; Wan Norazlinda binti Wanchik
Subject: UUM-UNIKAMA SUMMER SCHOOL 2016



Nurturing Future Leaders, Expanding Opportunities

Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni

7 DISEMBER 2016 / 7 RABIULAWAL 1438H

=====

“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TEKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum & salam sejahtera



UUM PPA COB ONLINE – UUM-UNIKAMA Summer School 2016 telah berlangsung pada tanggal 06 - 18 Oktober 2016.

Program yang mengumpulkan 17 orang pelajar dan seorang pegawai pengiring iaitu Ibu Umiati Jawas, Pengarah Pejabat Hubungan Antarabangsa daripada Universitas Kanjaruhan Malang Indonesia (UNIKAMA).

Bagi melancarkan perjalanan program, 15 sukarelawan daripada kalangan pelajar Kelab Global Buddies UUM (GBC) telah dilantik untuk menjadi buddies peserta.

Hal ini juga bertujuan memberi peluang kepada pelajar yang terlibat untuk memupuk ciri-ciri kepimpinan serta semangat kerjasama serumpun dalam kalangan graduan.

Program yang dijalankan disekitar UUM ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar dari UNIKAMA ini berkaitan budaya pembelajaran di UUM dan cara hidup masyarakat melayu Malaysia khususnya di Kedah ini.

Antara program yang dijalankan adalah sesi pembelajaran akademik dengan kerjasama PPA UUM CAS dan Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden (SEML) selain kelas dibawah UUM COB sendiri. Program ini memberi peluang kepada pelajar UNIKAMA menyertai kelas-kelas harian di UUM.

Sepanjang program berlangsung terdapat pelbagai aktiviti menarik telah dijalankan sempena Discover UUM 2016 antaranya aktiviti go-kart, sukan kenu, berbasikal, dan merentas hutan Sintok.

Selain itu, pelajar telah dibawa melawat tempat-tempat menarik sekitar kawasan Alor setar dan daerah Kedah yang lain bagi melihat keindahan negeri Kedah. Pelajar juga dibawa melawat ke negeri Perlis, termasuk Padang Besar dan Gua Kelam.

Rata-rata pelajar dan sukarelawan berasa gembira dan teruja kerana turut terlibat sama dalam program seperti ini. Program seperti ini bukan saja meningkatkan kebolehan komunikasi pelajar malah dapat memperluaskan jaringan sosial mereka.

Majlis penutup program ini telah di sempurnakan oleh Dr Hendrik Lamsali, Dekan PPA COB. Turut serta En. Khairul Anuar Adnan, Penasihat Kelab Global Buddies UUM, Ibu Umiati Jawas serta staf-staf Unikama yang sedang melanjutkan pengajian PhD di UUM.

Pejabat Pembangunan Pelajar & Alumni
UUM College of Business
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok, Kedah
☎ 04-928 6610
📠 04-928 6606
Website: <http://uumppacob.uum.edu.my>

Facebook: www.facebook.com/PPACOB



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.